

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2Jld.3(24)

21 Ogos 2023
4 Safar 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 39/2023

PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) DAN PENAMBAHBAIKAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GCR

Adalah dimaklumkan bahawa kemudahan pemberian award wang tunai gantian cuti rehat (GCR) dan pemberian awal award wang tunai GCR sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) dan Ceraian PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat. Kerajaan melalui Belanjawan 2023 sebagai menghargai jasa anggota perkhidmatan awam, telah bersetuju supaya kenaikan maksimum gantian cuti rehat (GCR) dipinda daripada 160 hari kepada 180 hari dan pemberian awal award wang tunai GCR dipinda dari 80 hari ke 90 hari.

2. Susulan daripada pengumuman itu, Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 127 bertarikh 3 Ogos 2023 bersetuju supaya ceraihan-ceraian berikut dipinda bagi memastikan pelaksanaan pemberian GCR ini adalah teratur seperti berikut:

(i) Pindaan pada Ceraian PP.1.3.1.: Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR)

Pindaan bagi memaklumkan kenaikan had maksimum pengumpulan GCR dari 160 hari ke 180 hari.

(ii) Pindaan pada Ceraian PP.1.3.3.: Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 180 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan

Pindaan bagi memaklumkan mengenai kebenaran GCR yang dikumpul melebihi 180 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

(iii) Pindaan Ceraian PP.1.3.4.: Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat

Pindaan bagi memaklumkan pemberian awal award wang tunai Gantian Cuti Rehat kepada 90 hari.

3. Sehubungan dengan itu, pindaan cerai-an-ceraian di atas berkuat kuasa mulai 1 Januari 2023. Pelarasan bayaran akan dilaksanakan bagi pegawai yang layak dan telah diluluskan bayaran GCR untuk tujuan persaraan dan pemberian awal award wang tunai mulai 1 Januari 2023 sehingga tarikh pekeliling pentadbiran ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah (Kampus UTM Pagoh)
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah